

Dr. Mahathir

The Asian Wiseman

UM - 3 JUL 2005

Oleh HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 2 Ogos — Para Cendekiawan Arab memberi beberapa gelaran kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad seperti *The Asian Wiseman* dan *The Maker of the Great Miracle* untuk menggambarkan kebijaksanaan bekas Perdana Menteri itu, kata Profesor Mohammad El-Sayed Selim dari Universiti Mesir.

Menurutnya, gelaran yang diberikan kepada Dr. Mahathir itu untuk menggambarkan beliau sebagai seorang legenda pemimpin Islam yang amat berjaya.

Pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Sains Sosial itu berkata, pencapaian Dr. Mahathir tidak ada pada kebanyakan pemimpin-pemimpin Arab.

“Kesemua gelaran tersebut diberikan oleh cendekiawan yang bukan rakyat Malaysia, tidak mempunyai hubungan serta kebanyakan mereka tidak pernah bertemu Dr. Mahathir.

“Keadaan ini juga menggambarkan harapan mereka agar negara-negara Arab satu hari nanti akan dianugerahkan seorang pemimpin yang mempunyai kualiti yang sama seperti Dr. Mahathir,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja pada Persidangan Antarabangsa Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Mohamad El-Sayed membentangkan kertas kerja bertajuk *Tun Dr. Mahathir: Mengurus Tadbir Urus dan Pembangunan di Abad ke-21: Pandangan Asia Barat*.

Katanya, para cendekiawan Arab juga menyanjung tinggi sikap Dr. Mahathir yang melepas kuasa dengan teratur kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan rela walaupun berada di puncak kejayaan.

“Keadaan ini tidak berlaku di negara-negara Arab yang mana pertukaran pemimpin hanya akan

berlaku dalam rampasan kuasa atau meninggal dunia,” katanya.

Mohamad El-Sayed berkata, cendekiawan Arab amat memandangkan tinggi Dr. Mahathir kerana mempertahankan kenyataannya pada 2003 bahawa Yahudi memerintah dunia melalui proksi.

“Dr. Mahathir mempertahankan kenyataan tersebut walaupun mendapat kritikan hebat dari pemimpin-pemimpin Eropah serta kegagalan pemimpin-pemimpin Arab untuk menyokong pendirian beliau.

Kecewa

“Malahan Dr. Mahathir sendiri melahirkan rasa kecewa bahawa pemimpin-pemimpin Arab tidak mempertahankan beliau dalam isu itu,” katanya.

Mohamad El-Sayed juga memberitahu, Dr. Mahathir telah memberi kesan yang baik kepada tadbir urus yang lebih baik di negara-negara Arab.

“Negara-negara Arab

kini dalam proses perubahan dan ini berkaitan dengan teguran serta kejayaan Dr. Mahathir membangunkan Malaysia,” katanya.

Katanya, apa yang lebih memeranjatkan lagi terdapat kumpulan yang menubuhkan kumpulan politik yang mendesak perubahan di negara-negara Arab terutama di Mesir.

Jelas beliau, kumpulan politik itu dikenali sebagai *Kepaya* dalam bahasa Arab yang bermaksud ‘cukup’.

“Kumpulan politik ini ditubuhkan kerana jawapan Dr. Mahathir dalam satu forum di mana beliau ditanya mengapa melepaskan jawatan, bekas Perdana Menteri itu berkata, 22 tahun memerintah sudah mencukupi.

“Kumpulan tersebut menggunakan jawapan Dr. Mahathir itu untuk menuntut agar Presiden Mesir melepaskan jawatan dan mewujudkan sistem demokrasi yang lebih telus bagi melantik Presiden,” katanya.